

Sukan

Suruhanjaya Atlit bagi bantu pesilat capai potensi

Jawatankuasa seramai 10 anggota akan diketuai jaguh dunia Shakir sebagai platform hubungan antara atlit dengan pihak pengurusan

▶ ANWAR YAHYA
anwar@sph.com.sg

JUARA silat dunia dua kali, Muhammad Shakir Juanda, akan mengetuai satu Suruhanjaya Atlit yang dibentuk Persekutuan Silat Singapura (Persisi) baru-baru ini sebagai platform bagi pesilat “untuk berhubung, membangunkan lagi potensi, menimba ilmu serta mendengar suara-suara mereka”.

Dinamakan Suruhanjaya Atlit Persisi atau SSFAC, anggotanya dipilih di kalangan pesilat nasional – dengan dua jaguh silat – Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dan Muhammad Nur Alfian Juma'en – akan membantu Shakir sebagai penolong ketua. Mereka pula akan mendapat sokongan tujuh anggota lain.

Antara matlamat utama SSFAC ialah mewujudkan persekitaran yang kondusif, saling sokong-menyokong di samping berdaya tahan bagi mendorong pesilat-pesilat mencapai potensi sebenar mereka.

Menjelaskan mengenai peranan yang akan dimainkan SSFAC, Shakir berkata:

“Sebagai sebahagian daripada anggota suruhanjaya atlit ini, kami akan berusaha memastikan segala pandangan dan maklum balas atlit dapat diketengah dan didengar di kalangan pegawai utama persekutuan (Persisi).

“Di kalangan anggota suruhanjaya ini menampilkan gabungan atlit yang muda, yang pengalaman dan yang berada di hujung kerjaya mereka... atlit-atlit ini boleh mendekati kami jika memerlukan nasihat... contohnya semasa tempoh peralihan daripada seorang atlit kepada dunia pekerjaan.

“Juga, adalah lebih baik untuk kami berbincang dengan mereka kerana hubungan kami yang lebih erat... sebagai atlit juga, kami mungkin dapat memahami keprihatinan dan cabaran mereka dengan lebih baik lagi.”

Empat teras utama yang dijangka menjadi tumpuan utama SSFAC ialah:

1. Memperkasakan perwakilan di kalangan pesilat dalam Persisi terutama dalam proses membuat keputusan;

SILAT



PERJUANG NASIB PESILAT: Inilah anggota Suruhanjaya Atlit yang dibentuk Persisi sebagai menjadi ‘jambatan’ antara atlit dengan pihak pengurusan. (Dari kiri) ialah Siti Nazurah Mohd Yusoff (anggota), Sheik Fayz Sheik Alau'ddin (anggota), Nurzuhairah Mohd Yazid (anggota), Muhammad Iqbal Abdul Rahman (anggota), Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (pembantu ketua), Muhammad Shakir Juanda (ketua), Muhammad Nur Alfian Juma'en (pembantu ketua), Nurul Suhaila Mohd Saiful (anggota), Muhammad Hazim Mohd Yusli (anggota) dan Nurul Irbah Muhammad Razali (Member). – Foto PERSISI

“Ia juga menjadi saluran bagi para atlit menyuarakan pandangan... saya menganggap pembentukannya satu langkah positif sebagai platform mempertingkatkan persefahaman antara pihak pengurusan dengan atlit dalam pelbagai cara.”

– CEO Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican (gambar).



2. Menyokong pembangunan atlit dalam kedua kerjaya sukan dan selepas bersukan;

3. Mempromosi penglibatan atlit dalam proses membuat keputusan di semua peringkat badan pentadbir sukan itu; dan

4. Memastikan perwakilan atlit dalam proses membuat keputusan Persisi.

Sebagai satu jawatankuasa perundingan, Suruhanjaya Atlit yang baru dibentuk ini akan turut berperanan sebagai ‘saluran perhubungan’ antara atlit dengan anggota lembaga. Ia juga akan menyalurkan idea serta sasaran membina kepada pegawai pengurusan Persisi.

Mengulas mengenai rasional di sebalik pembentukan SSFAC, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi Sheik Alau'ddin Yacoob Marican berkata:

“Tujuan utama ialah memper-

tingkatkan tahap ketelusan mengenai apa yang dijalankan pihak pengurusan terutama dari segi mengendalikannya dan mentadbir persekutuan.

“Ia juga menjadi saluran bagi para atlit menyuarakan pandangan... saya menganggap pembentukannya satu langkah positif sebagai platform mempertingkatkan persefahaman antara pihak pengurusan dengan atlit dalam pelbagai cara.”

Pembentukan SSFAC juga dianggap tiba tepat pada masanya sedang Persisi mengharungi tahun ini yang penuh sibuk.

Selain bakal menghadapi dua pertandingan besar iaitu temasya Sukan Asia Indonesia 2018 pada Ogos dan Kejohanan Pencak Silat Sedunia, juga di Jakarta, pada Disember, Persisi akan juga menjadi hos dan menganjurkan beberapa acara promosi dan pertandingan baik di peringkat nasional, serantau dan juga antarabangsa.